



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATUK IR. DR. HJ HAMIM BIN SAMURI
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH INOVASI 2017
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

25 Oktober 2017 (Rabu)

**Institut Pendidikan Guru Darul Aman
Kedah Darul Aman**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam sejahtera dan Salam Negaraku, Alam Sekitarku.

**Yang Berbahagia Dato' Hj. Suhaimi bin Hj. Mamat
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Sumber Asli)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

**Yang Berusaha Ir. Haji Abdullah Bin Isnin
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia**

**Yang Berbahagia Datin Hajah Naimah binti Jaafar
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Darul Aman**

**Yang Berusaha Ir. Baharuddin bin Abdullah
Timbalan Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah**

**Yang Berbahagia Dato' Hj. Ibrahim bin Abdullah
Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah**

Ketua- ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

**Pengarah-Pengarah Negeri dan Pengarah-Pengarah Bahagian
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Rakan Media,**

**Dato'-Dato', Datin-Datin serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang
dikasihi sekalian.**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat-Nya, maka Majlis Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) 2017 dapat dilangsungkan pada hari ini. Hari

Inovasi diadakan selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda negara khususnya dalam mentransformasikan sektor awam. Sesungguhnya majlis ini sangat bermakna kepada kita semua kerana ia merupakan satu pengiktirafan tertinggi negara ke atas usaha-usaha inovasi yang dilaksanakan oleh semua agensi-agensi sektor awam dalam mendukung dan menyemarakkan lagi agenda Transformasi Nasional demi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2050 (TN50).

2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada JPS kerana menjemput saya untuk menyampaikan Anugerah Inovasi, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Tahun 2017 pada hari ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada pihak JPS kerana memastikan tradisi kesinambungan sambutan Anugerah Inovasi peringkat agensi terus subur berkembang dan dimantapkan.

3. Hari ini sekali lagi kita akan menjadi saksi penerusan tradisi untuk memberi pengiktirafan kepada inisiatif inovasi sektor awam peringkat warga JPS. Saya percaya pertandingan yang diadakan pada kali ini adalah platform terbaik untuk warga JPS menyumbang kepada peningkatan budaya kerja cemerlang, melalui idea-idea inovatif dan seterusnya menterjemahkan tema sambutan Hari Inovasi JPS 2017 pada kali ini iaitu "Kelestarian Alam Sekitar". Saya juga difahamkan bahawa proses pemilihan penerima Anugerah Inovasi JPS 2017 ini oleh Panel Penilai adalah begitu sukar kerana persaingan antara Bahagian/ Negeri terlibat cukup sengit. Perkembangan ini adalah sesuatu yang positif kerana ia menunjukkan setiap bahagian/ negeri mempunyai potensi tersendiri dalam mengupayakan kreativiti masing-masing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sumber air merupakan satu elemen yang sangat penting bagi seluruh alam termasuk manusia, flora dan fauna. Visi JPS sebagai peneraju perkhidmatan kejuruteraan dan pengurusan sumber air negara. Ketika ini Kementerian dan JPS Malaysia berusaha keras menggubal Rang Undang-Undang Sumber Air Negara (RUU SAN) bagi memastikan pengurusan sumber air yang cekap dan terjamin sumber bekalannya. Hasrat ini akan tercapai dengan adanya pelaksanaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) serta Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM).

5. Sebagai contoh Pembangunan National Water Balance Management System (NAWABS) bagi pengurusan sumber air negara. Ianya merupakan satu sistem pengurusan yang bertaraf dunia sepertimana yang telah dilaksanakan di Murrumbidgee Catchment (84,000 km² keluasan tadahan), Australia. Melalui pembangunan NAWABS ini ia dijangka akan dapat meningkatkan tahap kecekapan dalam pengurusan sumber air di lembangan-lembangan sungai. Model keseimbangan sumber air ini merupakan yang pertama dibangunkan di Malaysia dengan Fasa 1 melibatkan tujuh (7) lembangan sungai iaitu Sg. Muda, Sg. Kedah, Sg. Melaka, Sg. Bernam, Sg. Klang, Sg. Kelantan dan Sg. Similajau di Sarawak.

6. Melalui strategi membangunkan sumber air alternatif, Kementerian melalui JPS telah mengambil langkah ke hadapan dalam pembangunan beberapa kaedah dalam pengurusan sumber air bagi menguruskan keselamatan dan isu kelestarian sumber air negara. Sumber air alternatif ini merangkumi lain-lain potensi sumber air selain sungai antaranya air

tanah, air tasik dan kolam takungan, air kitar semula daripada sistem saliran air dan sistem penuaian air hujan.

7. Begitu juga dengan isu kejadian banjir besar yang melanda di beberapa negeri pantai timur beberapa tahun sebelum ini. Kerajaan telah melaksanakan pembangunan Program Ramalan dan Amaran Banjir yang dikenali sebagai PRAB. Program ini adalah satu projek inovasi yang dibangunkan oleh JPS Malaysia bagi mempertingkatkan keupayaan ramalan dan amaran banjir serta hebahan maklumat untuk memastikan ramalan awal banjir dapat disampaikan kepada semua pihak seawal 7 hari. Melaluinya agensi bertanggungjawab dapat menyusun strategi dan program serta pemindahan penduduk dengan lebih cekap dan teratur.

8. Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah melaksanakan Projek Tebatan Banjir Sungai Muda bagi mengatasi masalah banjir besar di Negeri Kedah. Projek ini bertujuan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan lembangan sungai dan mengurangkan kesan kerosakan banjir seluas 97 km persegi selain meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk setempat. Sebanyak RM1.03 bilion telah dibelanjakan untuk projek ini. Pelaksanaan projek ini telah dapat menyelamatkan kerugian akibat kerosakan tanaman dan infrastruktur sebanyak RM176 juta, manakala sebanyak RM37 juta lagi dapat diijamatkan bagi menampung kos pusat pemindahan banjir. Bagi memastikan matlamat kerajaan tercapai dan dinikmati oleh rakyat, sudah tentunya dalam perlaksanaan projek ini memerlukan daya, kreativiti dan inovasi

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan syabas dan tahniah kepada JPS Malaysia kerana banyak produk inovasi hasil idea warga JPS telah mendapat pengiktirafan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa. Dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pegawai JPS, pelbagai kejayaan serta pencapaian telah diperolehi oleh negara amnya. Kejayaan produk-produk inovasi seperti *Eco-friendly Raft Pile (ERP) System* yang telah mendapat Pingat Emas di *Geneva Inventions*, Anugerah Khas daripada *Korean Invention Academy*, dan *Thailand Award for Best International Invention* daripada *National Research Council of Thailand* merupakan kejayaan JPS dan negara yang harus dijadikan contoh oleh agensi-agensi sektor awam yang lain.

10. Malah pembinaan Stormwater Management and Road Tunnel (SMART) adalah merupakan satu projek JPS yang berinovasi dan amat membanggakan. Pembinaan Terowong SMART yang merupakan terowong lencongan air yang terpanjang di Asia Tenggara bukan sahaja berfungsi untuk mengurangkan kesan banjir bahkan pada masa yang sama ia juga dapat membantu mengurangkan kesesakan lalulintas di pusat bandaraya Kuala Lumpur.

11. Sebagai meraikan pengiktirafan inovasi pada pagi yang bersejarah ini, marilah kita bersama-sama menjadikan inisiatif inovasi yang terpilih pada pagi ini sebagai tanda aras untuk dicontohi oleh semua agensi sektor awam bagi menampilkan lebih banyak idea baharu yang dapat menjadi pemangkin kepada kesejahteraan negara dengan memastikan keadaan alam sekitar semasa dan segala komponen yang ada di dalamnya kekal terpelihara selaras dengan tema majlis kita hari ini "KELESTARIAN ALAM SEKITAR".

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pemenang bagi pertandingan -pertandingan yang dianjurkan sempena sambutan Hari inovasi JPS tahun ini. Semoga kejayaan dan kecemerlangan tersebut dapat dikekalkan dan seterusnya dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun seterusnya.

13. Dengan lafaz BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan **Hari Inovasi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia Tahun 2017** .

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.